

Guna khidmat pesara profesional selesai isu penguasaan 3M



Othman Dr Mohd Fairuz Jafar
bhrencana@bh.com.my

Felo Institut
Kecemerlangan
Guru dan Pemimpin
dalam Pendidikan
(EITILE), Universiti
Utara Malaysia
(UUM)

Dalam menghadapi cabaran pendidikan di Malaysia, isu penguasaan kemahiran 3M atau membaca, menulis dan mengira dalam kalangan murid terus menjadi tumpuan utama.

Perancangan Kementerian Pendidikan (KPM) akan mengasingkan murid belum menguasai kemahiran 3M selepas tiga bulan mengikuti persekolahan ke Program Intervensi Literasi dan Numerasi membuktikan masalah ini masih berlaku.

Ketidakupayaan murid menguasai kemahiran 3M boleh menjadi punca kepada keciciran persekolahan. Bagi berhadapan masalah ini, antara perkara perlu diberi perhatian ialah mengambil pesara profesional membantu menyelesaikan masalah ini.

Golongan pesara, terdiri daripada guru, pensyarah serta pegawai kerajaan dan swasta mempunyai potensi besar untuk memberikan sumbangan bermakna kepada bidang pendidikan secara sukarela. Pengalaman dan kepakaran golongan pesara

adalah aset berharga yang tidak boleh dipandang rendah. Sebagai individu sudah melalui pelbagai cabaran dan mencapai kejayaan dalam kerjaya, mereka mempunyai pengetahuan serta kemahiran boleh dikongsi dengan generasi muda.

Misalnya, seorang pesara guru berpengalaman dalam mengajar kemahiran asas membaca dan menulis boleh membantu murid mengalami kesukaran dalam pembelajaran itu. Begitu juga, pesara sektor korporat boleh menyumbang dalam aspek pengurusan dan strategi pendidikan lebih berkesan.

Selain itu, penyertaan golongan pesara dalam program sukarelawan pendidikan juga dapat membantu mengurangkan beban kerja guru sedia ada. Ketika ini, ramai guru menghadapi tekanan kerja tinggi, termasuk keperluan menangani murid lemah dalam penguasaan kemahiran 3M.

Jika ada bantuan daripada pesara profesional, guru dapat memberi tumpuan lebih kepada pengajaran dan pembelajaran (PdP), sementara pesara membantu dalam sesi bimbingan tambahan.

Pesara profesional juga boleh menjadi mentor atau tutor kepada murid untuk belajar dengan lebih tekun, mendorong mereka bercita-cita tinggi dan berusaha mencapai kejayaan.

Perkukuh hubungan sekolah, komuniti

Di samping itu, pembabitkan pesara dalam bidang pendidikan dapat memperkukuh hubungan antara komuniti dan sekolah. Pendidikan bukan sahaja tanggungjawab guru dan sekolah, tetapi membabitkan komuniti.

Pembabitkan pesara dalam aktiviti sekolah mampu membina komuniti lebih inklusif dan menyokong pendidikan anak kerana golongan ini boleh menyumbang dalam pelbagai aktiviti sekolah, sekali gus mengukuhkan ikatan antara sekolah dan masyarakat.

Dalam usaha ini, peranan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah menggerakkan inisiatif Pembabitkan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta (PIBKS) dalam pendidikan adalah sangat penting.

Pengurusan PIBKS boleh menjadi penggerak utama dalam menjalin kerjasama dengan pesara profesional. Melalui PIBKS, pelbagai program sukarelawan boleh dianjurkan dengan lebih teratur dan berkesan.

PIBKS juga boleh menjadi platform mengumpulkan dan menyelaraskan penyertaan pesara lain dalam aktiviti pendidikan. Menerusi sokongan PIBKS, usaha pesara profesional dalam pendidikan boleh dilaksanakan dengan lebih sistematik dan menyeluruh.

Namun begitu, bagi memastikan keberkesanan penyertaan golongan pesara dalam bidang pendidikan, perlu ada usaha terancang dan sokongan daripada pihak berkuasa pendidikan serta komuniti.

Program sukarelawan membabitkan pesara perlu disusun dengan baik, mempunyai penyelarasan sesuai, menawarkan insentif seperti pengiktirafan atau sokongan moral kepada golongan berkenaan.

Secara keseluruhannya, peranan golongan pesara profesional dalam membantu menyelesaikan masalah penguasaan kemahiran 3M di Malaysia tidak boleh diabaikan.

Pengalaman, kepakaran dan semangat dimiliki mereka wajar dimanfaatkan untuk memperkukuh pendidikan negara.

